

PM sahkan Osama tidak simpan wang di Malaysia

Oleh MOHD. NOR ABDUL SAMAD

UM 26 SEP 2001

PUTRAJAYA 25 Sept. — Kerajaan mengesahkan tidak ada sebarang wang yang disimpan oleh pengganas termasuk Osama bin Laden di dalam sistem perbankan di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ini berdasarkan daripada siasatan yang dijalankan ke atas nama-nama yang disenaraikan sebagai pengganas antara-bangsa.

“Tidak ada bukti yang ditemui menunjukkan pengganas menyimpan wang dalam sistem perbankan kita untuk maksud melakukan kegiatan ganas.

“Setakat ini, daripada nama-nama yang kita terima, penyelidikan telah dibuat tetapi kita tidak dapat mengesan nama-nama orang yang dikatakan pengganas menyimpan wang,” kata beliau.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, sekiranya ada sebarang maklumat berhubung dakwaan itu, siasatan akan dijalankan.

Nama samaran

Dr. Mahathir menjelaskan demikian dalam sidang akhbar di sini hari ini berhubung dakwaan kononnya Osama mempunyai simpanan wang di Malaysia dengan menggunakan pelbagai nama samaran.

Baru-baru ini, seorang bekas pemimpin kanan pergerakan al-Qaeda, Jamal Ahmed Al-Fal mendakwa Osama ada menyimpan sebahagian wang AS\$300 juta (RM1.140 bilion) miliknya di beberapa negara termasuk Malaysia.

Pendedahan itu dibuat oleh Jamal berdasarkan percakapan di Mahkamah Daerah Selatan New York, Amerika Syarikat (AS) 6 Februari lalu.

Transkrip percakapan itu boleh diikuti dalam laman web mahkamah berkenaan.

Jamal dalam laporan media, mendakwa, wang yang disimpan oleh jutawan Arab Saudi di sebuah bank di Malaysia menggunakan nama samaran.

■ **Lihat muka 8**

PM sahkan Osama tidak simpan wang di Malaysia

“Saya tidak ingat nama bank tersebut, tetapi saya tahu dia memang mempunyai akaun di Malaysia,” kata Jamal.

Dalam hal ini, Perdana Menteri menjelaskan, setakat ini, kerajaan tidak menemui sebarang bukti yang menunjukkan Osama ada menyimpan wang di Malaysia.

Menjawab satu soalan, Dr. Mahathir berkata, sekiranya pengganas menyimpan wang di sini, tidak bermakna Malaysia dianggap sebagai tempat menyimpan wang untuk maksud kegiatan pengganas.

Beliau berkata: “Mungkin juga mereka telah menutup akaun tetapi maklumat yang kita dapat setakat ini tidak menunjukkan bahawa ada duit daripada pengganas yang dikumpul di Malaysia.”

Tentang soalan lain pula, Perdana Menteri berkata, pada kebiasaannya kerajaan tidak akan bertindak pada sesiapa yang ingin melawat negara ini termasuk pengganas, kecuali kalau mempunyai maklumat berhubung kegiatan mereka.